

NO.SOALAN: 528

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN R. SIVARASA
[SUBANG]**

RUJUKAN : 7689

SOALAN :

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah terkini tahanan-tahanan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) SOSMA sama ada yang didakwa atau tidak, mengikut pecahan warganegara, negeri asal, bangsa, jantina, umur, pertuduhan, tempoh ditahan dan tempat ditahan sejak SOSMA diwartakan pada 22 Jun 2012 sehingga ke hari ini 17 Mac 2015.

JAWAPAN :

Sehingga 17 Mac 2015, seramai 54 orang telah didakwa di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA) 2012 di mana seramai 31 individu ditahan di Penjara Kota Kinabalu, 18 individu di Penjara Sungai Buloh, tiga individu di Penjara Kajang dan dua individu di Penjara Tapah. Secara keseluruhan, ianya melibatkan seramai 50 tahanan lelaki dan empat tahanan perempuan.

Daripada jumlah tersebut, seramai 29 individu warganegara Malaysia iaitu 23 Melayu, 4 Suluk dan 2 Bajau. Manakala selebihnya 25 individu adalah warganegara asing yang berasal dari Filipina.

Bagi jenis pertuduhan dikenakan terdapat individu yang dikenakan lebih dari satu pertuduhan. Pecahan pertuduhan adalah seperti yang berikut :

- a) 22 orang didakwa di bawah Seksyen 121 Kanun Keseksaan (berperang atau mencuba berperang atau menyubahat perang melawat Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertua Negeri);

- b) 1 orang didakwa di bawah Seksyen 130F Kanun Keseksaan (memberikan latihan dan arahan kepada kumpulan pengganas dan orang-orang yang melakukan perbuatan pengganasan);**
- c) 6 orang didakwa di bawah Seksyen 130G Kanun Keseksaan (menghasut, menggalak atau mencari harta untuk berlakunya sesuatu perbuatan pengganas);**
- d) 13 orang didakwa di bawah Seksyen 130J Kanun Keseksaan (mencari atau memberi sokongan kepada kumpulan pengganas atau kepada berlakunya perbuatan pengganas);**
- e) 1 orang didakwa di bawah Seksyen 130J (i)(a) Kanun Keseksaan (mencari atau memberi sokongan kepada kumpulan pengganas);**
- f) 29 orang didakwa di bawah Seksyen 130K (a) Kanun Keseksaan (melindungi orang yang melakukan perbuatan pengganas);**
- g) 1 orang didakwa di bawah Seksyen 130M Kanun Keseksaan (sengaja meninggalkan daripada memberi maklumat mengenai tindakan pengganas);**
- h) 2 orang didakwa di bawah Seksyen 511 Kanun Keseksaan (seksaan kerana mencuba melakukan kesalahan-kesalahan yang boleh diselsa dengan penjara); dan**

- i) 2 orang didakwa di bawah Seksyen 8 (a) Akta Senjata Api 1960 (penalti kerana memiliki atau membawa senjata dan imunisi tanpa suatu lesen atau permit,dll).

Daripada sejumlah 54 individu, seramai 3 individu telah dijatuhkan hukuman penjara manakala selebihnya sedang didalam perbicaraan.